



Selasa, 3 Mac 2015

1. Jayakan pelan pendidikan negara – Muhyiddin

PUTRAJAYA: Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mahu warga Kementerian Pendidikan bekerjasama dalam memastikan kejayaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015-2025.

Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan, berkata warga kementerian pelbagai peringkat tidak boleh bekerja secara solo, sebaliknya perlu berada dalam satu pasukan supaya matlamat kementerian untuk melahirkan modal insan berkualiti dan berakhlak tinggi tercapai.

"Untuk memastikan matlamat ini tercapai dalam masa 10 hingga 11 tahun ke hadapan, perlu ada komitmen yang tinggi di semua peringkat termasuk di peringkat sekolah dan universiti.

"Selain itu, dalam konteks ini, kita juga tidak boleh hanya berada ekosistem kementerian saja, tetapi turut memerlukan dokongan pihak lain termasuk sektor swasta," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Pendidikan di sini, sebentar tadi.



Selasa, 3 Mac 2015

2. TNB kemuka tender loji 4A pada 15 Mac

KUALA LUMPUR: Tenaga Nasional Bhd (TNB) kini dalam proses kajian terperinci dan dijangka mengemukakan permohonan bagi projek loji tenaga 4A kepada Suruhanjaya Tenaga (EC) pada 15 Mac ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Seri Azman Mohd, berkata TNB sedang memuktamadkan kos dan butiran sebelum mengemukakannya kepada EC.

"Kosnya akan setanding dengan penanda aras yang ditetapkan oleh EC," katanya di sini hari ini.

Projek 4A adalah kontrak untuk membina loji tenaga gas 1,000-1,400 megawatt (MW) yang baharu di Johor, diberikan EC kepada konsortium yang terdiri daripada tiga pihak diterajui SIPP Energy

dengan penyertaan YTL Power dan TNB. Ia dijadual beroperasi pada Jun 2018. YTL Power mengumumkan menarik diri daripada projek Loji Tenaga 4A pada tahun lalu.

Syarat yang dikenakan EC dalam pemberian projek itu ialah tarif perlu setanding dengan 34.7 sen per kilowatt tarif jam yang ditawarkan TNB bagi loji janakuasa Prai CCGT 1,071MW yang diperoleh syarikat utiliti itu daripada tender kompetitif pada 2012.

Mengenai cadangan mengambil alih Integrax Bhd, Azman berkata, TNB masih mengguna pakai pendekatan 'tunggu dan lihat' selepas menyemak semula harga tawarannya kepada RM3.25 sesaham daripada RM2.75 sebelumnya.

"Kami kira ia adalah tawaran yang adil, dan kami akan lihat maklum balas daripada pihak lain, selepas mesyuarat Perak Corp yang akan diadakan tidak lama lagi," katanya.



Selasa, 3 Mac 2015

3. Malaysia kaji kaedah kurangkan risiko fiskal

KUALA LUMPUR: Malaysia sedang mengkaji kaedah untuk mengurangkan risiko fiskal tanpa menjejaskan insentif kepada sektor swasta di bawah perkongsian awam-swasta (PPP).

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa, berkata langkah itu mungkin melalui kaedah membangunkan petunjuk sektor awam dalam penilaian projek PPP dan melaksanakan PPP yang inovatif menggunakan keupayaan sektor swasta dengan cekap.

"Projek-projek prasarana akan terus relevan dalam PPP, walaupun dengan memberi tumpuan kepada bidang baharu, misalnya teknologi hijau dan reka bentuk cekap tenaga serta pemilihan projek seperti membuka perbandaran baharu dan strategik, kawasan seperti pembangunan koridor dan bandar," katanya dalam ucapan khas pada Sidang Kemuncak Pengarah Antarabangsa (IDS) 2015 di sini hari ini.

Beliau berkata kerajaan berjaya menjimatkan RM211.3 bilion dengan pelaksanaan 698 projek PPP dari 1983 hingga Disember 2014.

Katanya ia termasuk jumlah perbelanjaan modal sebanyak RM195.6 bilion, perbelanjaan operasi (RM9.3 bilion) dan hasil daripada jualan aset dan ekuiti kerajaan (RM6.5 bilion).

"Malaysia memperoleh banyak pencapaian melalui aturan PPP, termasuk 31 lebuh raya bertol dan jambatan, serta 12 kampus cawangan Universiti Teknologi Mara (UiTM) di seluruh negara," katanya.

Ali berkata pelaburan swasta dijangka memainkan peranan lebih besar dalam pembangunan ekonomi, menyumbang 17.5 peratus kepada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar pada tahun lalu.

IDS 2015 selama dua hari yang bermula semalam adalah anjuran bersama Razak School of Government (RSOG) dan Akademi Pengarah Malaysia (MINDA).

Ia menampilkan lebih 30 penceramah terkemuka tempatan dan antarabangsa yang membincangkan isu, cabaran dan potensi peningkatan kepada PPP.



Selasa, 3 Mac 2015

4. MME kunci ekonomi dinamik Asia - HSBC

KUALA LUMPUR: Perusahaan pasaran pertengahan (MME) atau mereka yang mempunyai perolehan tahunan antara AS\$50 (RM181) juta hingga AS\$500 juta (RM1.8 bilion) kini menjadi kunci ekonomi yang makmur dan dinamik di Asia.

Mengikut laporan HSBC, mereka membawa inovasi dan produk baharu kepada pasaran dan bersaing dengan perusahaan besar sedia ada, memaksa mereka meningkatkan prestasi.

Kini banyak MME merancang berkembang melepasi pasaran domestik berikutan peranan mereka dalam rantaian bekalan global dan disebabkan kemajuan dalam teknologi, kata Ketua Perusahaan Pasaran Pertengahan untuk HSBC Asia Pasifik, Tim Evans.

"Mereka juga kini boleh mendapat manfaat daripada kegiatan rentas sempadan yang sebelum ini dikuasai syarikat multinasional," katanya.

Peranan MME tidak boleh lagi diketepikan berikutan sumbangan langsung dan tidak langsung mereka kepada pertumbuhan, pekerjaan dan persaingan.

Mengikut laporan itu, struktur MME berbeza antara negara kerana ekonomi kurang maju cenderung dikuasai aktiviti utama seperti pertanian dan perlombongan.

Mereka yang di dalam negara berpendapatan rendah hingga sederhana seperti China dan India, cenderung untuk melaksanakan banyak aktiviti sekunder, biasanya pembuatan, manakala negara maju seperti Singapura dan Hong Kong semakin didominasi industri perkhidmatan.

HSBC berkata, MME secara langsung menyumbang di antara 10 peratus hingga 17 peratus tambah nilai kasar (GVA) di 15 negara yang dikaji dalam laporan berkenaan.

5. Najib arah Ketua Audit Negara teliti akaun 1MDB



PUTRAJAYA: Datuk Seri Najib Razak memaklumkan kepada Kabinet sebentar tadi bahawa beliau sudah mengarahkan Ketua Audit Negara untuk bertindak secara bebas bagi mengesahkan akaun 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

Selanjutnya, kata Perdana Menteri, laporan Ketua Audit Negara mengenai akaun 1MDB itu akan diserahkan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) selaku badan mewakili kedua-dua pihak (penyokong kerajaan dan pembangkang) berdasarkan keanggotaan dalam Parlimen.

"Sekiranya sebarang salah laku dibuktikan, undang-undang akan dikuatkuasa tanpa sebarang pengecualian," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan Pejabat Perdana Menteri, di sini sebentar tadi.

Terdahulu, berikutan laporan media terkini berhubung 1MDB, Perdana Menteri memanggil syarikat itu dan auditornya, Deloitte, untuk menghadap Kabinet, hari ini.

Pada perjumpaan itu, 1MDB memberi taklimat mengenai kedudukan terkini syarikat berkenaan dan memberi maklum balas kepada soalan yang dikemukakan Menteri Kabinet termasuk Najib dan timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Deloitte pula memberi gambaran menyeluruh mengenai urusan mereka dengan 1MDB dan mengakui bahawa pihaknya melakukan audit dan mengesahkan akaun syarikat berkenaan.

Kabinet juga dimaklumkan bahawa dakwaan baru-baru ini yang ditujukan kepada 1MDB berhubung transaksi dilakukan pihak ketiga seperti Petrosaudi International (Petrosaudi), bukan 1MDB. Semua pelaburan berkaitan oleh 1MDB sudah dipulangkan secara penuh dengan keuntungan diaudit yang besar.

Selepas menerima penjelasan daripada 1MDB dan Deloitte, Kabinet yakin bahawa tiada salah laku dilakukan dalam 1MDB dan menyuarakan hasrat mereka supaya syarikat itu dibenar melaksanakan hasil cadangan kajian strategiknya.

Sebelum ini, Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan 1MDB, Arul Kanda, dilaporkan berkata semua tuduhan disebarkan portal media tertentu di negara ini berhubung usaha sama 1MDB dan Petrosaudi, adalah tidak benar.

Malah, beliau dipetik berkata 1MDB memperoleh AS\$488 juta (RM1.8 bilion) apabila menamatkan usaha sama dengan

Petrosaudi pada 2012 dan semua fakta serta perincian mengenai transaksi itu boleh dirujuk pada akaun audit yang dipaparkan di laman web Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Pada masa sama, Petrosaudi, kenyataan sebelum ini, menafikan dakwaan kononnya ada sejumlah dana yang diperoleh sepanjang kerjasama strategik dengan 1MDB dimasukkan ke akaun peribadi di luar negara.

Berikutan beberapa tuduhan tidak berasas yang dikaitkan dengan Petrosaudi baru-baru ini, syarikat berkenaan dilaporkan sedang meneliti langkah perundangan sewajarnya terhadap pihak yang bertanggungjawab di sebalik penyebaran dakwaan terbabit.



Khamis, 5 Mac 2015

6. Kabinet sokong arahan Najib akaun 1MDB disahkan

KUALA LUMPUR: Kabinet menyokong arahan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak supaya Ketua Audit Negara mengesahkan secara bebas akaun 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

Menteri Kemaajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal dalam kenyataan hari ini berkata Kabinet, sudah diberi taklimat oleh 1MDB dan firma auditnya Deloitte berhubung beberapa dakwaan dibuat terhadap dana pelaburan strategik itu.

"Penjelasan diberikan oleh 1MDB dan para juruaudit menunjukkan tidak berlaku salah laku dalam syarikat itu.

"Perdana Menteri juga sudah berikrar bahawa sekiranya terbukti ada salah laku, 1MDB akan berdepan tindakan undang-undang," katanya.

Pada Rabu, Najib yang juga Menteri Kewangan dalam kenyataan berkata laporan Ketua Audit Negara akan diserahkan untuk pemeriksaan telus kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara, yang bersifat dwi-partisan sepenuhnya.

Berikut kenyataan penuh Mohd Shafie mengenai 1MDB:

"Kabinet diberi taklimat oleh 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan firma auditnya Deloitte, berhubung beberapa dakwaan dibuat terhadap dana strategik pelaburan itu.

Penjelasan diberikan 1MDB dan para juruaudit menunjukkan bahawa tidak berlaku salah laku dalam syarikat itu.

Kabinet juga menyokong arahan Perdana Menteri, yang juga Menteri Kewangan supaya Ketua Audit Negara mengesahkan secara bebas akaun 1MDB.

Selain itu, laporan Ketua Audit Negara akan diserahkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara, yang bersifat dwi-partisan sepenuhnya, untuk penelitian lanjut.

Perdana Menteri juga berikrar bahawa sekiranya terbukti ada sebarang salah laku, 1MDB akan berdepan tindakan undang-undang."



Khamis, 5 Mac 2015

7. Ada usaha terancang serang 1MDB - Ahmad Zahid

KOTA BAHARU: Naib Presiden Umno Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata serangan ke atas 1Malaysia Development Bhd (1MDB) didorong pihak tertentu yang mempunyai agenda kepentingan politik.

Beliau berkata serangan, spekulasi dan khabar angin yang sedang berlaku itu bukan hanya memberi kesan negatif kepada 1MDB, malah juga sentimen pelabur asing.

"Sebarang serangan terhadap 1MDB adalah satu bentuk serangan ke atas negara juga dan mereka seharusnya bertanggungjawab bagi setiap tuduhan palsu dan fitnah terhadap 1MDB," katanya selepas

Majlis Apresiasi Petugas Pengurusan Banjir Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) di sini, hari ini.

Ahmad Zahid, yang juga Menteri Dalam Negeri berkata Deloitte, sebuah daripada syarikat perakaunan ternama sudah memaklumkan kepada Jemaah Menteri semalam bahawa disebabkan dakwaan tidak berasas itu, mereka menjalankan pengauditan lebih terperinci bagi akaun 1MDB.

"Ini termasuk membawa masuk pakar-pakar forensik untuk memeriksa dokumen yang berkaitan. Deloitte juga menyatakan bahawa mereka berpuas hati dengan akaun 1MDB itu dan setuju memperakuihnya," katanya.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Abdul Razak mengarahkan Ketua Audit Negara untuk mengesahkan secara bebas akaun 1MDB dan laporan Ketua Audit Negara itu akan diserahkan untuk pemeriksaan telus kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) yang bersifat dwi-partisan sepenuhnya dan mencerminkan komposisi Parlimen.



Khamis, 5 Mac 2015

8. PETRONAS terbit bon AS\$17 bilion

KUALA LUMPUR: PETRONAS mulakan gerak kerja meraih dana hingga AS\$17 bilion (RM62 bilion) menerusi terbitan bon konvensional dan sukuk untuk keperluan modal kerja.

Mengikut sumber, syarikat minyak nasional itu hari ini bertemu dengan kumpulan pelabur berpotensi untuk meraih AS\$15 bilion daripada terbitan bon konvensional dalam pelbagai mata wang dan AS\$2 bilion sukuk dalam mata wang AS.

Seorang jurucakap PETRONAS mengesahkan rancangan terbitan bon itu.

Bank of America Merrill Lynch, CIMB Group Holdings, Morgan Stanley MUFG, JP Morgan dan Citibank adalah pengatur utama dengan dibantu HSBC dan Deutsche Bank, kata sumber berkenaan.

PETRONAS akan membuat siri jelajah mempromosikan terbitan itu kepada pelabur di Kuala Lumpur, Abu Dhabi, Dubai, London, Hong Kong, Boston, Los Angeles dan New York hingga 10 Mac ini.

Standard & Poor's hari ini memberi penarafan awal A- kepada terbitan sukuk PETRONAS.

Minggu lalu PETRONAS mengumumkan akan membayar dividen sebanyak RM26 bilion kepada kerajaan tahun ini.

9. Angka pembalak tamak

GERIK: Kedudukan kawasan balak yang jauh dan sukar dimasuki selain kelemahan pemantauan oleh Renjer Jabatan Perhutanan antara punca pembalak mencuri balak di luar kawasan dibenarkan di Hutan Simpan Temenggor, dekat sini.

Kegiatan itu dikesan pada hari kedua siasatan di lokasi berkenaan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Unit Integriti Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Jabatan Perhutanan Perak.

Siasatan di kawasan itu yang diberi kelulusan membalak seluas 30 hektar, mendapati pelesen turut mengambil kesempatan mencuri balak di luar kawasan yang dibenarkan, malah berdasarkan fizikal tunggul dan tual balak kegiatan itu dipercayai masih baru.



ANGGOTA yang terlibat dengan operasi memeriksa tempat dimana pelesen dipercayai membina lorong penarik melebihi daripada yang dibenarkan pihak Jabatan Perhutanan bertempat di Hutan Simpan Temenggor. - Foto Farhan Najib

Jabatan Perhutanan mengesahkan 12 pokok jenis meranti sarang punai, meranti tembaga, meranti bukit, geronggang, medang, mempning, podo dan kedondong, ditebang secara haram.

Selain penebangan di luar kawasan lesen, pelesen juga dikesan membina lorong penarik melebihi daripada yang dibenarkan oleh Jabatan Perhutanan.

Berdasarkan maklumat diterima SPRM, tiada Renjer Hutan memantau kerja dilakukan di kawasan pembalakan itu sejak awal tahun ini kerana anggotanya menghadiri peperiksaan khas jabatan dan proses pertukaran Pegawai Hutan Daerah digunakan pelesen untuk mengambil kesempatan melakukan pembalakan haram.

Difahamkan, pelesen mendapat kelulusan membalak sejak awal tahun ini dan sehingga kini 30 peratus kerja sudah dilakukan.

Pelesen balak itu antara tiga syarikat yang disiasat selepas SPRM, Jabatan Perhutanan Perak dan Polis Perak menahan dan menyita empat lori membawa 114 batang balak bernilai tinggi yang ditipu bayaran ses dan royaltinya hingga menyebabkan kerugian hasil kepada Kerajaan Perak pada 12 Februari lalu.

Semalam, BH mendedahkan siasatan hari pertama, Rabu lalu, di satu lagi kawasan pembalakan di Hutan Simpan Temenggor turut mengesan kegiatan penebangan balak di luar kawasan lesen dan kawasan zon penampungan alur air.

Jabatan Perhutanan memberi jaminan akan membuat siasatan dan pemeriksaan lanjut serta terperinci membabitkan kawasan diperiksa pada hari pertama dan kedua (Khamis lalu).

Sumber jabatan itu turut mengesahkan pihaknya sudah memulakan prosedur siasatan membabitkan empat lori bersama muatan balak yang disita membabitkan tiga syarikat sebelum ini.

Difahamkan siasatan termasuk meneliti wujud kemungkinan berlaku pemalsuan atau ulang guna penandaan pada tual balak.

"Dalam kes lori (disita) pegawai penyiasat mengambil kira banyak elemen sama ada tanda dipakai semula atau tanda dipalsukan oleh sindiket," katanya.



Isnin, 9 Mac 2015

10. RM400j Dana Mudahcara untuk diagih

PETALING JAYA: Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) sudah meluluskan RM931.3 juta Dana Mudahcara kepada 212 syarikat Bumiputera yang layak menerima bantuan kewangan itu setakat Januari 2015.

Daripada jumlah yang diluluskan itu, sebanyak RM64.3 juta sudah disalurkan kepada 23 syarikat yang layak setakat tahun lalu.

Pengarah Kanan Pembangunan Perniagaan dan Usahawan TERAJU, Megat Mohd Yatim Megat Hamid, berkata proses pengagihan dana itu mengambil sedikit masa kerana ia bergantung kepada siapa projek serta memenuhi syarat yang ditetapkan.

Dana Mudahcara itu diberikan dalam bentuk geran yang mana ia diagihkan ketika projek siap 50 peratus dan 100 peratus bagi projek infrastruktur dan 100 peratus bagi peralatan.



PENGARAH Kanan Pembangunan Perniagaan dan Usahawan TERAJU, Megat Mohd Yatim Megat Hamid. - Foto Ikhwan Nasri

"Pengagihan dana dibuat apabila projek yang dilaksanakan siap seperti syarat yang ditetapkan. Dana ini bukan diagihkan sebaik saja syarikat mendapat surat penganugerahan (LOA)," katanya kepada BH dalam satu pertemuan di sini baru-baru ini.

Megat Mohd Yatim berkata, bagi tahun ini, dijangka antara RM300 juta hingga RM400 juta Dana Mudahcara akan diluluskan.

Dari segi pengagihan dana pula, beliau berkata, dijangka antara RM100 juta hingga RM150 juta dana akan diagihkan kepada syarikat yang layak memandangkan banyak projek yang dilaksanakan akan siap tahun ini.

Mengulas mengenai proses permohonan, Megat Mohd Yatim berkata, TERAJU akan meneliti secara terperinci setiap permohonan bagi memastikan permohonan yang diterima memenuhi syarat ditetapkan.

Pemohon perlu menyediakan maklumat lengkap berserta dokumen sokongan yang diperlukan bagi memastikan permohonan mereka tidak ditolak.

"Terdapat beberapa syarat yang perlu dipatuhi pemohon. Dana ini disediakan untuk menyokong syarikat Bumiputera yang mempunyai projek berimpak tinggi.

"Proses pemilihan syarikat yang layak dijalankan secara teliti dan terperinci kerana kami tidak mahu projek dijalankan tergendala dan tidak menjana sumbangan kepada ekonomi negara," katanya.

Megat Mohd Yatim menegaskan, TERAJU tidak sewenang-wenangnya meluluskan permohonan kerana pihaknya perlu meneliti dan menyemak sama ada syarikat itu mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan mampu menjamin pembiayaan komersial untuk melaksanakan projek.

Malah, katanya, syarikat yang memohon perlu mempunyai kemampuan, kapasiti, kemahiran dan pengalaman yang diperlukan bagi projek dijalankan.

Dana Mudahcara yang diperkenalkan pada 2011 diberikan kepada syarikat Bumiputera yang terbabit dalam 13 sektor utama, antaranya sektor minyak, gas dan tenaga; pembangunan hartanah dan pembinaan; pemborongan; peruncitan; pendidikan, pelancongan; automotif dan penjagaan kesihatan.

Setiap syarikat yang layak menerima geran hingga 15 peratus daripada jumlah kos keseluruhan projek.



Isnin, 9 Mac 2015

11. Tadbir urus korporat yang baik mampu elak konflik kepentingan

KUALA LUMPUR: Pematuhan kepada tadbir urus korporat yang baik berupaya mencegah salah laku dalam operasi korporat yang berunsurkan konflik kepentingan, demikian kata Anggota Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Dr Chin Yew Sin.

Beliau percaya banyak syarikat tersenarai awam menghadapi masalah sedemikian apabila perilaku sesetengah pemegang saham utama terserlah.

"Sepatutnya apabila anda mematuhi tadbir urus korporat yang baik dalam setiap urus niaga, peluang isu-isu (meragukan) untuk timbul berkurangan.

"Tadbir urus korporat yang baik bermakna jemaah lembaga mengadakan perbincangan menyeluruh bersama-sama cadangan daripada akauntan atau penasihat bebas yang telah meneliti kebolehlaksanaan projek," katanya yang diminta mengulas mengenai urus niaga korporat meragukan di sesetengah syarikat tersenarai awam yang didedahkan oleh pemegang saham minoriti mereka.

Beliau berkata setiap pengarah mesti mengisytiharkan kepentingannya dalam sebarang urus niaga.

"Beliau mesti berbuat demikian pada peringkat awal dan tidak mengundi mengenai perkara itu pada mesyuarat jemaah lembaga. Dengan cara itu kepentingan pemegang saham minoriti akan terjaga.

"Suruhanjaya Sekuriti sentiasa mempromosikan tadbir urus korporat. Atas sebab itulah ia meminta pengarah menghadiri kursus yang menasihatkan mereka agar berhati-hati tentang perdagangan dalaman atau urus niaga tidak wajar.

"Amat penting bagi syarikat tersenarai awam mempunyai 'checks and balances'. Dalam amalan tadbir urus korporat yang baik semua keputusan mesti dibuat berdasarkan laporan-laporan bebas. Jika tidak banyak penipuan korporat boleh berlaku," katanya.

Chin berkata pemegang saham minoriti lazimnya tiada kelebihan kerana tidak banyak maklumat yang boleh mereka peroleh.

"Hanya jemaah lembaga dan pengurusan yang ada akses kepada maklumat ini. Pemegang saham minoriti hanya tahu tentang syarikat tersenarai awam menerusi pengumuman yang ia buat.

"Saluran lain bagi pemegang saham minoriti mendapatkan maklumat ialah dengan bertanya pada AGM (mesyuarat agung tahunan) dan EGM (mesyuarat agung luar biasa). Hanya ini platform mereka untuk tujuan itu.

"Bagaimanapun, pada kebanyakan AGM dan EGM masa adalah suntuk dan anda tidak berpeluang bertanya banyak soalan," katanya.

Mengulas laporan polis yang dibuat oleh pemegang saham minoriti terhadap Tanjung Offshore Bhd atas dakwaan salah laku, Chin berkata perkara itu boleh dielak.

Memetik kes pengambilalihan tiada kaitan perniagaan, beliau berkata ini sepatutnya mendapat kelulusan pemegang saham menerusi AGM atau EGM.

"Biasanya apabila syarikat terbabit dalam urus niaga baharu, syarikat perlu mendapat kelulusan pemegang saham menerusi EGM terutama jika hartanah bernilai lebih 25 peratus daripada aset syarikat," katanya.

Chin berkata jemaah lembaga syarikat tidak boleh bertindak melangkaui kuasanya dalam banyak perkara.

"Sebab itu saya berpandangan isu Tanjung Offshore ini pengajaran yang baik kepada banyak syarikat," katanya menambah pertelingkahan membabitkan pihak-pihak tertentu dalam syarikat berkenaan selepas berakhirnya urusan niaga tersebut juga boleh dielak sekiranya isu terbabit dibincang dan diundi pada EGM.

Merujuk kepada pihak yang melaporkan urusan niaga meragukan kepada SPRM, beliau berkata itu satu cara untuk mengawal salah laku dalam kalangan pemegang saham utama.

"Pemegang saham minoriti paling terjejas. Apabila pemegang saham membeli saham sesebuah syarikat, mereka mengharapkan syarikat itu diurus dengan baik dan telus. Kalau tidak pelaburan mereka akan membazir," katanya.

Chin juga berpandangan jemaah lembaga tidak patut membuat sebarang keputusan semasa siasatan dijalankan.

"Sementara siasatan dijalankan, jemaah lembaga boleh menangguhkan sebarang keputusan besar bagi membina semula keyakinan orang awam," katanya.

Sementara itu, seorang remisier yang berpengalaman 20 tahun, berkata seseorang biasanya boleh mengagak jika ada yang tidak kena dalam satu-satu urusan niaga yang dilakukan dalam pasaran.

"Anda boleh agak perkara seperti bawah isytihar dan terlebih harga serta mendengar tentang urusan niaga tertentu yang memberi manfaat kepada pemegang saham utama dengan mengorbankan pihak lain," katanya yang mahu identitinya dirahsiakan.

Kerajaan merancang untuk meminda Akta SPRM bagi memasukkan peruntukan yang secara kolektif dikenali sebagai Undang-undang Liabiliti Korporat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low dilaporkan berkata di bawah peruntukan baharu itu, syarikat yang mempunyai dasar pencegahan rasuah akan diberi penghargaan dan yang terbabit rasuah akan dihukum.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed pula dilaporkan berkata undang-undang baharu itu akan membantu mengubah etika dan budaya perniagaan negara ini.

Langkah SPRM itu dilihat oleh banyak pihak sebagai tindakan kerajaan untuk memperhebat usaha pencegahan rasuah dalam sektor korporat susulan sambutan tidak menggalakkan terhadap Ikrar Integriti Korporat (CIP) yang setakat ini ditandatangani oleh kurang 50 syarikat daripada 906 yang tersenarai di Bursa Malaysia.

12. Polis siasat hanya jika audit 1MDB kesan percanggahan - KPN

KUALA LUMPUR: Polis hanya akan menjalankan siasatan jika audit terhadap 1Malaysia Development Bhd (1MDB) oleh Jabatan Audit Negara mengesan sebarang percanggahan, kata Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar.

Beliau berkata, polis akan menunggu laporan Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang mengenai perkara ini.

"Sekiranya siasatan mengesan sebarang percanggahan, polis seterusnya akan memulakan siasatan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Bercakap di Putrajaya awal hari ini, Ambrin mengumumkan bahawa jabatannya telah mula menjalankan audit terhadap 1MDB sebaik sahaja diarahkan berbuat demikian oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak minggu lepas.

Khalid turut memperjelaskan laporan media yang memetik beliau sebagai mencadangkan supaya Najib disoal berhubung isu itu.

"Apa yang saya sebenarnya maksudkan ialah polis akan menyoal semua pihak yang kami percaya boleh membantu memberi maklumat tentang kes. Begitupun, fokus ialah kepada pihak-pihak yang membuat keputusan dalam syarikat," katanya.

Khalid mengulangi bahawa tindakan ini hanya akan dimulakan jika laporan Ketua Audit Negara mendedahkan percanggahan dan petunjuk bahawa terdapat salah laku dalam syarikat pembangunan strategik milik kerajaan itu.

"Jika tidak, siasatan tidak akan dijalankan," katanya.

Khalid mengingatkan semua pihak supaya tidak membuat laporan berhubung 1MDB tanpa asas.

"Polis akan mengambil tindakan terhadap mereka yang sengaja menggunakan masa dan sumber kami, dengan tidak perlu. Biarkan proses biasa berjalan," katanya.

Menurut laporan, Peguam Negara telah menubuhkan pasukan petugas khas untuk menyiasat laporan polis berhubung 1MDB berkaitan dakwaan salah urus dana.

Khalid berkata, pasukan khas itu akan diketuai oleh Jabatan Peguam Negara untuk membolehkan penggabungan sumber untuk memudahkan siasatan.

Beliau berkata, ini lebih berkesan daripada menjalankan siasatan secara berasingan.

Selain Bahagian Jenayah Komersil Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Peguam Negara, Khalid berkata pasukan khas itu juga disertai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).



Selasa, 10 Mac 2015

13. Tiada penyelewengan agihan bantuan banjir

KUALA LUMPUR: Kerajaan menegaskan tiada sebarang penyelewengan dalam agihan bantuan banjir kepada mangsa yang terlibat dalam bencana itu pada Disember lepas.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, peruntukan untuk diagihkan di bawah penyelarasan Majlis Keselamatan Negara (MKN) diserahkan kepada penerima berdasarkan senarai yang disediakan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Duit tidak hilang dan bantuan telah disalurkan kepada mangsa banjir seperti yang sepatutnya, tetapi hakikatnya kita kena ubah pemikiran...", katanya menjawab soalan tambahan Dr Tan Seng Giaw (Kepong-DAP) yang mendakwa berlaku penyelewengan dalam agihan bantuan banjir berkenaan.

Mengulas lanjut Shahidan berkata dalam menangani bencana itu, semua pihak wajar mengubah pemikiran terhadap aspek penjagaan hutan dan pemantauan projek penanaman di kawasan bukit bagi memastikan kawasan tadahan air tidak terjejas.

Beliau turut menyarankan kerajaan negeri melaksanakan langkah proaktif bagi menjaga kawasan hutan dan memantau projek penanaman di negeri masing-masing bagi mengelakkan krisis banjir lebih teruk daripada berlaku



Selasa, 10 Mac 2015

14. 1MDB: Beri ruang kepada Jabatan Audit Negara laksana tugas - PAC

KUALA LUMPUR: Semua pihak perlu berhenti membuat sebarang andaian, sebaliknya memberi ruang secukupnya kepada Jabatan Audit Negara (JAN) untuk melaksanakan audit terhadap 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Nur Jazlan Tan Sri Mohamed, berkata pihaknya menaruh kepercayaan sepenuhnya terhadap kewibawaan, keupayaan dan kredibiliti JAN di bawah pimpinan Ketua Audit Negara Tan Sri Ambrin Buang untuk melakukan pengauditan secara berkecuali, telus dan bertanggungjawab.

"JAN perlu diberikan ruang secukupnya bagi melaksanakan audit terhadap 1MDB dan ia perlu dilakukan tanpa sebarang rasa takut atau ada campur tangan daripada mana-mana pihak," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Nur Jazlan berkata, berikutan terlalu banyak andaian dan maklumat yang disebarkan mengenai akaun 1MDB di media sosial, portal berita dan blog, adalah lebih baik supaya semua pihak berkepentingan agar bersabar dan menunggu kesahihan hasil pengauditan daripada JAN.

Beliau berkata, penting untuk JAN menjalankan pengauditan secara tidak tergesa-gesa dalam memastikan setiap sudut dan ruang lingkup akaun, operasi dan pelaburan 1MDB diaudit dengan teliti.

"PAC juga akan mengadakan kerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebaik menerima laporan daripada JAN sekiranya wujud penyelewengan yang boleh didakwa mengikut undang-undang SPRM," katanya.



Rabu, 11 Mac 2015

15. Kawasan tadahan, tanah kurnia susut digondol

KOTA TINGGI: Penerokaan tanah berhampiran Empangan Sungai Lebam, Bandar Penawar di Pengerang, dekat sini, meresahkan masyarakat setempat berikutan ia satu-satunya kawasan tadahan yang membekalkan air kepada hampir 100,000 penduduk.

Penduduk mempersoalkan bagaimana kawasan yang sebelum ini diwartakan sebagai kawasan tadahan air boleh dikurniakan kepada individu, seterusnya digondol dan diteroka menjadi kawasan pertanian.

Difahamkan, kawasan itu mula diteroka sejak tahun 2012 dan penduduk mendakwa ia menyebabkan paras air di empangan berkenaan berkurangan secara mendadak meskipun tidak berlaku kemarau.

Empangan Sungai Lebam ketika ini juga adalah satu-satunya empangan yang membekalkan kawasan air bermula dari FELDA Air Tawar 4, Desaru, Bandar Penawar hingga ke Pengerang dan Teluk Ramunia.



PENEROKAAN tanah untuk dijadikan kawasan pertanian berhampiran Empangan Sungai Lebam, Bandar Penawar. - Foto Zulkarnain Ahmad Tajuddin

Dalam usaha kerajaan menjadikan Pengerang sebagai hab petroleum dan penyimpanan minyak, tindakan rakus pihak yang meneroka kawasan hutan berhampiran empangan berkenaan boleh menjejaskan pembangunan itu.

Lebih membimbangkan, penerokaan berterusan dalam tempoh 10 tahun akan datang boleh menjejaskan pembangunan projek Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) yang kini giat dibangunkan di kawasan seluas 8,093.71 hektar dan dijangka beroperasi pada tahun 2017.

Persoalannya, meskipun bidang kuasa kerajaan negeri berhak mengurniakan tanah berkenaan kepada pemohon, perancangan teliti perlu bagi mengelakkan masalah lebih besar berlaku sehingga boleh menjejaskan pembangunan.

Apakah rasional mengutamakan pemohon tanah berbanding keperluan kira-kira 150,000 penduduk menjelang tahun 2017?

Tinjauan BH ke kawasan empangan itu mendapati paras air berkurangan sehingga tiga meter selain kawasan hutan tadahan bersebelahannya sudah digondol hampir seluas 20 hektar untuk dibangunkan sebagai tempat tanaman hasil pertanian.

Dibantu beberapa wakil penduduk dan pemimpin setempat, BH dapat memasuki satu daripada kawasan yang diteroka yang terletak hanya kira-kira 50 meter dari empangan berkenaan.

Tanah yang diteroka itu dijadikan kawasan tanaman betik dan ketika tinjauan, beberapa pekerja warga asing dilihat sedang menyiram anak pokok yang ditanam.

Apabila ditanya, mereka mengatakan hanya bekerja dengan majikan.

Kira-kira 100 meter dari situ, kawasan hutan dilihat sudah digondol sehingga menjadi lapang di sekeliling empangan dan hanya menanti masa untuk dibangunkan.

Penduduk setempat yang ditemui meminta kerajaan negeri memulihara semula kawasan yang sudah diterokai itu bagi mengelakkan perkara lebih buruk berlaku.

Penduduk FELDA Sungai Mas, Nizam Ali, berkata pihaknya sebelum ini pernah dimaklumkan bahawa tanah berkenaan tidak boleh dimiliki atau dimajukan kerana statusnya sebagai Hutan Simpan dan kawasan tadahan air untuk Empangan Sungai Lebam.

Beliau yang juga bekas Lembaga Penasihat Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), berkata pihaknya turut dimaklumkan tanah berkenaan dikurniakan sebagai anugerah penghargaan kepada kakitangan kerajaan dan pegawai tadbir.

Katanya, beliau tidak membantah pengurniaan tanah sebagai penghargaan terhadap kakitangan kerajaan atau pegawai tadbir yang cemerlang, tetapi pemilihan kawasan hutan simpan dan tadahan ini adalah salah dan tidak tepat.

"Banyak lagi kawasan lain yang boleh dijadikan tanah kurnia, bukan di sini (sekitar empangan) sehingga akhirnya lebih 100,000 penduduk yang bergantung kepada bekalan air bersih dari empangan ini terjejas.

"Adakah kita mahu membela beberapa individu (kakitangan dan pegawai tadbir) ini sahaja, sedangkan lebih ramai lagi rakyat yang akan terjejas berikutan penerokaan secara haram ini," katanya.



Khamis, 12 Mac 2015

16. Kerajaan suntik dana RM950 juta kepada 1MDB

KUALA LUMPUR: Menteri Kewangan Kedua Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah berkata kerajaan menyuntik dana sebanyak RM950 juta kepada 1Malaysia Development Bhd (1MDB) sebagai kredit tersedia.

Beliau berkata, dana berkenaan adalah bagi membantu menyelesaikan masalah aliran tunai 1MDB secara sementara sebelum syarikat itu membuat tawaran awam permulaan (IPO) yang dijangka pada September ini.

"Kerajaan tidak pernah memberi pinjaman RM2 bilion kepada 1MDB sebaliknya menyutik dana RM950 juta sebagai 'standby credit' bagi membantu aliran tunai.

"Kerajaan yakin 1MDB akan kembali kukuh selepas IPO selain pelaburan dalam sektor tenaga dan hartanahnya," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Rafizi Ramli (PKR-Pandan) yang bertanya mengenai kebenaran dakwaan kerajaan memberi pinjaman RM2 bilion kepada 1MDB pada persidagangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

1MDB mencetus kontroversi kerana dana pembangunan strategik milik penuh kerajaan itu kini mempunyai hutang hampir RM42 bilion dan menghadapi masalah aliran tunai kerana pendapatan daripada aset tidak dapat menampung kos operasi dan bayaran faedah.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak pada 4 Mac mengarahkan Ketua Audit Negara mengesahkan secara bebas akaun 1MDB manakala timbalannya Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam kenyataan berasingan menjelaskan tidak akan usaha menyelamatkan daripada dana awam terhadap syarikat itu.



Khamis, 12 Mac 2015

17. TNB beri kontrak RM8.3b kepada vendor Bumiputera

KUALA LUMPUR: Tenaga Nasional Bhd (TNB) menjangkakan penjimatan dalam nilai belian daripada vendornya yang kini berjumlah kira-kira RM9 bilion setahun tidak termasuk kos bahan api dengan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Ketua Pegawai Perolehan, Ir Syed Abu Hanifah Syed Alwi, berkata akan ada semakan semula kontrak dengan vendor kerana yang dimeterai sebelum ini mengambil kira cukai jualan dan perkhidmatan (SST) sebanyak 10 peratus.

Berikutan pelaksanaan GST, semua kontrak yang dimeterai sebelum 1 April 2015 yang membabitkan SST sebanyak 10 peratus akan ditukar kepada GST yang ditetapkan pada kadar enam peratus dan ia akan membabitkan kira-kira 200 vendor aktif syarikat utiliti terbabit.

"Ini semestinya akan memberikan penjimatan kepada TNB dari segi nilai belian daripada vendor kerana harga yang dibayar akan berkurang empat peratus berbanding 10 peratus di bawah SST," katanya pada majlis pelantikan pembekal strategik TNB di sini hari ini.

Majlis disempurnakan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; timbalannya, Datuk Ir Hamim Samuri serta Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir Azman Mohd.

Pada majlis itu TNB melantik sembilan pembekal strategik yang dinaik taraf hasil daripada kejayaan Program Pembangunan Vendor Bumiputera (PPVB) yang dilaksanakan sebelum ini.

PPVB TNB diperkenalkan sejak 1994 dan hingga tahun lalu sebanyak 991 vendor diwujudkan di seluruh negara dalam kategori pengilangan, perkhidmatan dan kerja.

Jumlah kontrak terkumpul yang dianugerahkan kepada vendor di bawah PPVB sejak 1995 hingga Disember tahun lalu adalah berjumlah RM8.3 bilion.

Syed Abu Hanifah berkata, pemilihan vendor yang dilantik sebagai pembekal strategik adalah bagi mengiktiraf pembekal yang cemerlang dalam bidang masing-masing.

Beliau berkata, pemilihan itu adalah berasaskan merit, prestasi dan kelayakan bagi memastikan syarikat vendor yang dipilih berupaya menjadi syarikat yang berdaya maju, kukuh dan progresif.

"Ini adalah kesinambungan daripada program vendor terdahulu yang dilaksanakan bagi menyokong aspirasi negara untuk memperkasakan ekonomi Bumiputera berasaskan beberapa matlamat utama," katanya.



Jumaat, 13 Mac 2015

18. PetroSaudi tolak kritikan mengenai 1MDB

KUALA LUMPUR: PetroSaudi International (PSI), syarikat perkhidmatan dan penerokaan minyak berpangkalan di Arab Saudi, hari ini menolak kritikan dalam talian yang tidak tepat mengenai syarikat pembangunan strategik Malaysia yang pernah menjalin usaha sama dengannya, 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

"Sebarang kenyataan mengenai salah laku dalam dakwaan dalam talian mengenai perkongsian adalah palsu semata-mata. Semua modal yang dilaburkan oleh 1MDB sudah dikembalikan dengan

keuntungan," kata seorang jurucakap PetroSaudi dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Malah, katanya, usaha sama itu, yang berakhir pada 2012, mendapat manfaat bersama bagi Malaysia dan PetroSaudi, dan maklumat berhubung usaha sama itu boleh didapati secara umum di dalam akaun 1MDB yang diaudit di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

"Serangan tidak adil atau palsu mengenai pelabur dan rakan kongsi dari Malaysia hanya untuk merosakkan negara," kata kenyataan itu.

Ia berkata PetroSaudi komited untuk menyampaikan projek yang berjaya dalam sektor petroleum di peringkat global, bekerjasama dengan rakan-rakan kongsi ke tahap standard antarabangsa tadbir urus korporat dan usaha yang wajar.

"Kami tidak akan terhalang dengan cerita-cerita yang tidak tepat atau berniat jahat yang disebar dalam talian.

"Beberapa laporan ini dilihat berdasarkan petikan berpilih dan dokumen serta e-mel dalaman syarikat yang diputarbelitkan, salinan asalnya yang kami percaya telah didapati secara tidak sah dan dalam beberapa kes telah diubah.

"Kami kini mempertimbang dari segi undang-undang," katanya.

PSI, syarikat perkhidmatan dan penerokaan minyak global yang beroperasi di Amerika Selatan, Asia dan Afrika, beribu pejabat di Al-Khobar, Arab Saudi dengan beberapa pejabat lain di London, Geneva, Houston, Jakarta, Carupano dan Caracas.



Ahad, 15 Mac 2015

19. Perdagangan Malaysia-Jepun cecah RM137.45 bilion

TOKYO: Jumlah perdagangan antara Malaysia dan Jepun mencecah RM137.45 bilion (AS\$42 bilion) pada 2014, peningkatan sebanyak 1.4 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Daripada jumlah itu, eksport adalah sebanyak RM82.71 bilion (AS\$25.6 bilion), naik 4.4 peratus manakala import berkurangan kepada RM54.75 bilion (AS\$16.74 bilion) iaitu penurunan sebanyak 2.9 peratus.

Duta Malaysia ke Jepun, Datuk Ahmad Izlan Idris, berkata eksport utama Malaysia ke Jepun adalah gas asli cecair (LNG), produk elektrik dan elektronik serta produk berasaskan kimia.

Beliau berkata, barangan import utama Malaysia dari Jepun pula adalah elektrik dan elektronik, peralatan mesin, alat-alat ganti dan aksesori kenderaan serta kereta.

"Jepun adalah rakan perdagangan ketiga terbesar negara selepas Cina dan Singapura," katanya kepada wartawan Malaysia di sini.

Ahmad Izlan berkata, dalam aspek pelaburan pula, Jepun adalah antara pelabur asing terbesar di Malaysia di mana sehingga 31 Disember 2013, sebanyak 2,510 projek pelaburan oleh syarikat Jepun telah dilaksanakan dengan jumlah pelaburan sebanyak AS\$22.7 bilion.

"Pelaburan ini juga telah mewujudkan sebanyak 332,352 peluang pekerjaan di Malaysia," katanya.

Sementara itu, bagi tempoh Januari hingga September 2014 sebanyak 47 projek yang melibatkan syarikat Jepun telah diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM10.65 bilion (AS\$3.26 bilion).

"Projek ini dijangka mewujudkan sebanyak 6,874 peluang pekerjaan," katanya.

Ahmad Izlan berkata, sehingga kini terdapat 1,400 syarikat Jepun yang sedang beroperasi di Malaysia.

"Sektor yang berpotensi bagi pelabur Jepun di Malaysia adalah teknologi hijau, industri berteknologi tinggi, bioteknologi, elektronik canggih dan industri automotif," katanya.

Menurutnya, bagi sektor pelancongan, Jepun adalah satu daripada pasaran kemasukan pelancong ke Malaysia dengan bilangan pelancong dari negara itu yang melawat Malaysia pada 2014 berjumlah 553,106.

"Tourism Malaysia menasar 600,000 orang dari Jepun melawat Malaysia tahun ini. Bagi pelancong Malaysia ke Jepun pula, kira-kira 251,000 tahun lepas," katanya.

Beliau berkata, Malaysia dan Jepun mempunyai hubungan yang sangat erat terutama dalam bidang perdagangan, pelaburan dan pelancongan.

"Hubungan antara Malaysia dan Jepun adalah rapat, dan telah terjalin sejak tahun 1957," katanya.

20. Sektor awam, swasta jimat RM323j pada 2014 - MITI

SHAH ALAM: Sektor awam dan swasta di negara ini mencatat penjimatan RM323 juta tahun lalu menerusi pelbagai inisiatif untuk meningkatkan produktiviti dan inovasi.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Hamim Samuri, berkata inisiatif itu seperti 'Pengurusan Lean', membantu sektor berkenaan mengurangkan pembaziran dan memaksimumkan nilai pelanggan yang sekali gus menambah baik mutu kerja.

"Kami berharap dapat melihat lebih banyak organisasi pada masa hadapan melaksanakan inisiatif 'Pengurusan Lean' bagi menambah baik proses perniagaan selain mengekalkan produktiviti, daya saing, kreativiti dan inovasi," katanya.

Hamim berkata demikian pada majlis pembukaan Creanova Lean 2015, yang bertemakan "Memaksimumkan Nilai, Mengurangkan Pembaziran", di sini, hari ini.

Pengurusan Lean merujuk kepada koleksi prinsip dan kaedah yang menumpukan kepada mengenal pasti dan menghapuskan aktiviti bukan tokon nilai menerusi peningkatan berterusan produk dan perkhidmatan bagi manfaat pelanggan.

Mengulas lanjut, Hamim berkata Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) sudah melaksanakan pelbagai program produktiviti dan inovasi berimpak tinggi bagi menyokong usaha perniagaan dalam produktiviti mereka, iaitu menerusi Program Intervensi Enterpris (EIIP) yang berfungsi sebagai pelan hala tuju bagi mengenal pasti situasi inovatif syarikat-syarikat.

Pengerusi MPC Tan Sri Azman Hashim dalam ucapan beliau pada majlis itu berkata 'Pengurusan Lean' berupaya mengurangkan peraturan perniagaan yang amat sejajar dengan inisiatif kerajaan menggalakkan pertumbuhan yang berdasarkan kepada sektor dan rakyat.

Sementara itu, Ketua Pengarah MPC Datuk Mohd Razali Hussain memberi tahu sidang akhbar selepas majlis tersebut Creanova Lean 2015 adalah inisiatif perbadanan itu untuk membantu para peserta dari industri berbeza bertukar-tukar idea dan berkongsi pengalaman di samping berbincang mengenai isu-isu berkaitan dengan prestasi dan kecemerlangan operasi.

Dari 2013 hingga sekarang MPC sudah menyerahkan sijil pengiktirafan Lean kepada 48 syarikat atas komitmen dan dedikasi mereka dalam merealisasikan sistem 'Pengurusan Lean'.

"Tahun ini kami menyasar penjimatan RM350 juta dalam kalangan sektor awam dan swasta menerusi pelbagai inisiatif yang dilaksanakan untuk meningkatkan produktiviti," katanya.



Ahad, 22 Mac 2015

21. Kerajaan digesa kaji skim gaji pembantu tabika KEMAS

KUALA TERENGGANU: CUEPACS hari ini menggesa kerajaan supaya menyemak semula skim gaji pembantu tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS).

Presidennya Datuk Azih Muda berkata seramai 4,000 pembantu tabika Kemas buat masa ini menerima bayaran sebanyak RM400 sebulan, yang dilihat tidak lagi relevan dan membebankan kedudukan kewangan mereka.

"Gaji minimum sektor swasta sekarang juga sudah mencecah RM900. Jika kekal dengan bayaran RM400, bagaimana mereka mahu menampung kehidupan? (Jumlah) ini sangat tidak relevan," kata beliau.

Bercakap pada sidang media di sini, Azih berkata meskipun waktu bekerja pembantu tabika KEMAS bermula pukul 8 pagi hingga 3 petang, namun ada kalanya tugas mereka dilanjutkan.

"CUEPACS berharap supaya pembantu tabika KEMAS ini menerima gaji sekurang-kurangnya gaji minimum RM900, sesuai dengan tugas dan keadaan ekonomi semasa," katanya.



Isnin, 23 Mac 2015

22. Ekuinas muktamad dua pelaburan baharu RM124j

KUALA LUMPUR: Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian milik kerajaan menutup tahun kewangan 2014 dengan memuktamadkan dua pelaburan baharu bernilai RM124 juta.

Pelaburan pertama bernilai RM70 juta yang dilaksanakan menerusi unit pendidikan Ekuinas, Ilmu Education Group Bhd (ILMU) bagi membeli 70 peratus kepentingan dalam Tenby Educare Sdn Bhd (Tenby Group), iaitu pemilik rangkaian sekolah swasta dan antarabangsa terbesar di Malaysia.

Ekuinas juga melabur RM54 juta bagi membeli 60 peratus kepentingan ekuiti di dalam Tranglo Sdn Bhd (Tranglo), sebuah syarikat perkhidmatan gerbang transaksi mudah alih utama tempatan.

Pelaburan bagi membeli 60 peratus kepentingan Trangolo itu juga adalah yang pertama seumpamanya oleh Ekuinas dalam industri Teknologi, Media dan Telekomunikasi (TMT).

Trangolo ditubuhkan pada 2008 dengan ibu pejabat di Kuala Lumpur dan pejabat antarabangsa di Indonesia, Asia Barat serta United Kingdom (UK).

Ia menyediakan platform kepada syarikat telekomunikasi mudah alih menguruskan pemindahan kredit prabayar dan kiriman wang merentas sempadan dengan cara yang pantas, mudah serta selamat.

Trangolo yang memiliki trek rekod mantap dan hubungan panjang bersama syarikat telekomunikasi Malaysia dan antarabangsa kini adalah salah satu pengendali pemindahan masa ke udara merentas sempadan utama global.

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Datuk Abdul Rahman Ahmad, berkata Tenby Group mewakili pelaburan strategik untuk memperluaskan kehadiran ILMU di dalam sektor pendidikan swasta K-12 (rendah dan menengah) Malaysia yang semakin berkembang.

"Pelaburan ini juga meletakkan Ekuinas semakin hampir kepada cadangan penyenaaraian ILMU, disasarkan pada akhir tahun ini atau awal 2016.

"ILMU kini memiliki kepelbagaian portfolio pelaburan pendidikan tinggi dan K-12 serta pendapatan pro-forma tergabung bernilai lebih daripada RM377 juta," katanya menerusi satu kenyataan, semalam.

Pelaburan di dalam Tenby Group mengukuhkan lagi portfolio K-12 ILMU, yang ketika ini termasuk pemilikannya di dalam Asia Pacific Smart School dan Asia Pacific International School di Subang.

Tenby Group kini mengendalikan lima sekolah swasta dan antarabangsa di Setia Eco Park, Ipoh, Pulau Pinang, Miri dan Johor Bahru.

Sekolah Tenby mempunyai reputasi kukuh menyediakan pendidikan swasta berkualiti tinggi kepada keluarga berpendapatan menengah tinggi Bumiputera dan Malaysia.

Tenby Group memiliki rekod kewangan mantap dengan pendapatan diaudit mencecah RM83 juta bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2014.

Sementara itu, Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda, berkata pelaburan di dalam Trangolo menyediakan platform kepada kumpulan untuk terbabit dengan industri pemindahan masa ke udara merentas sempadan yang besar.

Pada masa sama, katanya Ekuinas berminat untuk membantu Trangolo mengembangkan perniagaannya ke dalam perkhidmatan kiriman wang mudah alih merentas sempadan yang mempunyai potensi berkembang yang tinggi.

"Walaupun sektor perkhidmatan kiriman mudah alih secara relatifnya masih baharu, potensinya adalah besar kepada Tranglo memandangkan pasaran penghantaran antarabangsa adalah besar dengan Asia saja kini dianggarkan bernilai AS\$200 bilion.

"Ini satu peluang unik kepada Ekuinas untuk menyokong Tranglo berpotensi menjadi peneraju global di dalam perkhidmatan pemindahan masa ke udara antarabangsa serta kiriman mudah alih kepada tunai," katanya.

Tranglo mempunyai pasukan pengurusan mantap dan sebelum ini disokong oleh Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP). Syarikat mencatatkan pertumbuhan pendapatan lebih 40 peratus sejak tiga tahun lalu.

Kedua-dua pelaburan berkenaan, bersama dengan pelaburan dilaksanakan di bawah Program Penyumbangan Luar membolehkan Ekuinas menutup tahun kewangan 2014 dengan pelaburan berjumlah RM605.8 juta.

Ini menjadikan pelaburan terkumpul Ekuinas sejak ditubuhkan kepada 33 keseluruhannya yang bernilai RM3 bilion.



Selasa, 24 Mac 2015

23. Seimbang akademik, sahsiah

KUALA LUMPUR: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025, PPPM (PT), berupaya memberi keseimbangan dalam bidang akademik dan sahsiah.

Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali, berkata selain itu, pelbagai inisiatif dalam PPPM (PT) juga akan membantu graduan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan lebih berdaya saing, kreatif serta inovatif.

Tepati keperluan global

"Pelan ini akan membantu universiti dan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan memperkembangkan pelaksanaan strategi pembangunan masing-masing berteraskan garis panduan lebih holistik dan menepati keperluan global," katanya.

PPPM (PT) dijangka dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, pada 7 April ini.

Beliau berkata, malah PPPM (PT) memberi tumpuan lebih meluas bukan sahaja dalam aspek penyampaian ilmu pada peringkat pengajian tinggi, tetapi juga aspek pembentukan graduan bersahsiah tinggi dan seimbang.

Katanya, pelan terbabit membuka ruang kepada setiap universiti dan IPT melaksanakan inisiatif masing-masing dengan lebih pantas untuk memenuhi keperluan industri menjelang tahun 2025.

"Inisiatif yang diperkenalkan ini akan ada sokongan dan kemudahan pada peringkat kementerian untuk meningkatkan interaksi antara pihak swasta dan industri, selain membangunkan ekosistem keusahawanan," katanya.

Beliau berkata PPPM (PT) juga memberikan ruang kepada IPT menghasilkan pendapatan sendiri menerusi pelbagai aktiviti selain bergantung kepada dana kerajaan.

"Saya percaya setiap universiti mempunyai kerangka strategi masing-masing. Kita bukan saja saling bekerjasama merealisasikan hasrat dalam PPPM (PT), malah bersaing dengan kekuatan dan keunikan tersendiri," katanya.

Penuhi keperluan negara

Mengenai inisiatif Pendidikan Teknik dan Vokasional (TVET), Noor Azlan berkata pertambahan graduan dalam bidang itu akan membantu memenuhi keperluan negara terhadap tenaga kerja yang berkemahiran dan berkualiti.

"Satu daripada lonjakan PPPM (PT) adalah memartabatkan TVET yang mengubah tanggapan kemahiran adalah pilihan kedua.

"Kemahiran perlu menjadi teras dalam program pengajian. Ia berikutan, laporan daripada bahagian sumber manusia mendapati ada kelompokan berkaitan bidang kemahiran," katanya.



Selasa, 24 Mac 2015

24. Rakyat perbesar isu kecil ringgit, 1MDB - pakar ekonomi

KUALA LUMPUR: Rakyat Malaysia bertindak melulu apabila memperbesarkan isu-isu kecil seperti penyusutan nilai ringgit dan kemelut 1Malaysia Development Bhd (1MDB), kata seorang pakar ekonomi.

Kebimbangan itu, tegas Ketua Pakar Ekonomi IQI Holdings, Shan Saeed, tidak sepatutnya timbul kerana kerajaan sudah pasti mempunyai langkah bagi menanganinya.

"Sebagai warga asing, saya tidak langsung bimbang soal 1MDB. Ia hanya isu kecil dan saya rasa kerajaan sudah ada pelan A,B dan C, ..mereka akan bertindak untuk menangani 1MDB ini," katanya kepada BERNAMA.

IQI Group adalah syarikat hartanah dan pelaburan yang beroperasi dan menawarkan khidmat nasihatnya di Malaysia, Singapura, Hong Kong, United Kingdom, Amerika Syarikat serta Dubai.

Saeed turut menyuarakan keyakinannya terhadap ekonomi Malaysia yang disifatkannya sebagai memberangsangkan.

Kerajaan juga, katanya, sudah menunjukkan pencapaian fiskal dan meneruskan ekonomi yang konsisten pada paras makro.

Malah, biarpun ringgit diniagakan pada paras 3.70 berbanding dolar AS, kesan jangka pendek itu sebenarnya membantu sektor perusahaan dan perkhidmatan dengan mengekalkan daya saing dagangan.

Dalam nada optimis, Saeed, berkata, tiada sebab bagi rakyat Malaysia untuk bimbang ekonomi negara ini kerana Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang pada kadar enam peratus pada masa ini dan inflasi adalah tiga peratus.

"Angka inflasi di Malaysia adalah amat rendah dan masih boleh dikawal berikutan dasar monetari yang sedia ada. Ada segelintir pakar ekonomi berpandangan dasar fiskal yang menjadi faktor pemacu ekonomi tetapi mereka silap.

"Sebaliknya, dasar monetari yang sentiasa menjadi pemacu ekonomi dan sejak tiga setengah tahun saya di Malaysia, kerajaan sudah bersandarkan dasar monetari untuk memacu ekonomi," katanya.

KDNK Malaysia sebanyak AS\$245 bilion pada 2008, meningkat kepada AS\$322 bilion, tahun lalu.

"Kenaikan purata sebanyak empat hingga lima peratus telah dicatatkan yang mana paras pendapatan turut meningkat," katanya. - BERNAMA

25. Kajian impak GST terhadap penjawat awam mulai Julai - KSN

PUTRAJAYA: Kerajaan akan mengkaji impak Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) terhadap penjawat awam termasuk dari segi gaji dan elaun bermula Julai ini, kata Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Beliau berkata, kerajaan perlu melihat terlebih dahulu pelaksanaan GST bermula 1 April ini untuk mengetahui impaknya sebelum membuat sebarang keputusan.

"Kerajaan tidak pernah ketepikan kepentingan penjawat awam, jadi jika ada hasil yang bertambah penjawat awam juga akan dapat menikmatinya.

"Antaranya dari segi kenaikan gaji atau elaun, tetapi sekarang bukan masa yang sesuai untuk bincangkannya," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan ke-33 Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (Puspanita), di sini, hari ini. Beliau berkata demikian kepada pemberita sebagai mengulas cadangan Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) supaya kerajaan menaikkan gaji penjawat awam sebanyak 30 peratus bagi menghadapi GST.

Sementara itu, Ali berkata, Puspanita boleh memainkan peranan membantu kerajaan menjayakan dasar-dasar seperti GST dan menangani kos sara hidup dengan mengamalkan perbelanjaan berhemah.

"Selain itu, ahli-ahli Puspanita juga boleh menjadi ejen kerajaan dengan melaporkan kepada pihak berwajib perbuatan peniaga yang mengenakan harga yang tinggi dan tidak munasabah ke atas barangan jualan mereka," katanya.

Beliau juga menghargai usaha Puspanita menjalankan beberapa program meningkatkan kesedaran pengguna, khususnya melalui taklimat GST di seluruh negara melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

26. 1MDB: Kerajaan serius cari kebenaran - Paul Low

SERDANG: Proses pengauditan dilaksanakan Ketua Audit Negara terhadap 1Malaysia Development Bhd (1MDB) bertujuan mencari kebenaran, bukan suatu 'cara klasik untuk menghentikan komen', kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paul Low Seng Kuan hari ini.

Beliau berkata Jabatan Audit Negara mula melakukan pengauditan setelah diarah berbuat demikian oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak bagi membuat pengesahan terhadap akaun 1MDB secara bebas.

"Kerajaan serius untuk mencari kebenaran. Ketua Audit Negara diminta melakukan pengauditan bukan saja terhadap akaun, tetapi apa juga yang diperlukan untuk mencari kebenaran, khususnya mengenai perkara yang menimbulkan kebimbangan orang ramai.

"Ada orang mendakwa ini suatu cara klasik untuk menghentikan komen orang ramai, tetapi itu tidak benar. Dapatan Ketua Audit Negara akan dibentang kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), yang bersifat dwipihak, telus dan terbuka," katanya selepas melancarkan Sistem Pengurusan Susulan Audit di sini hari ini.

Pada 4 Mac, Najib mengarahkan Ketua Audit Negara membuat pengesahan terhadap akaun 1MDB dan berkata sekiranya terbukti terdapat sebarang salah laku, tindakan undang-undang akan diambil tanpa pengecualian.

Pada 9 Mac, Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar berkata sebuah pasukan petugas khas dianggotai wakil daripada Jabatan Peguam Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah dibentuk bagi menyiasat aduan mengenai kedudukan dana 1MDB.

Low berkata audit oleh Ketua Audit Negara dan pasukan petugas khas itu dilakukan secara serentak dan bebas.

"Perlu dijelaskan bahawa mereka tidak menerima arahan atau campur tangan daripada sesiapa. Saya boleh beri jaminan kepada anda bahawa ia berjalan secara bebas bagi menentukan sama ada dakwaan yang dibuat itu adalah benar kerana orang ramai ingin tahu mengenainya (kebenaran).

"Laporan Ketua Audit Negara akan didedahkan kepada umum," katanya.

1MDB, yang ditubuhkan pada 2009, menjadi fokus media dan orang ramai setelah timbul dakwaan berlaku salah urus kewangan.

27. Pinjaman RM4b kepada SRC berisiko rendah - KWAP

KUALA LUMPUR: Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP) menegaskan pinjaman kira-kira RM4 bilion yang diberikan kepada SRC International Sdn Bhd dijamin sepenuhnya oleh kerajaan.

Justeru itu, tidak timbul isu bahawa pengurus dana pencen itu berdepan risiko terhadap pinjaman berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Wan Kamaruzaman Wan Ahmad, berkata sebenarnya pinjaman itu mempunyai risiko yang rendah kerana dijamin kerajaan.

"Saya amat terkejut dengan kebimbangan bahawa pinjaman itu tertakluk kepada risiko.

"Sebenarnya pinjaman itu dijamin kerajaan. Justeru, tidak timbul isu pinjaman itu memberi risiko kepada KWAP," katanya ketika ditemui di Persidangan Pengurusan Kekayaan Islam dan Perancangan Kewangan Kedua di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai terdapat kebimbangan ramai bahawa KWAP berdepan risiko terhadap pinjamannya kepada anak syarikat milik penuh Kementerian Kewangan, SRC International kerana syarikat itu tidak untung.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Wan Kamaruzaman berkata, pengurus dana pencen itu menyasar saiz dana yang diuruskannya meningkat mencecah RM120 bilion menjelang akhir tahun ini berbanding RM110 bilion ketika ini.

Beliau berkata, bagi tahun ini, pihaknya akan lebih menumpukan pelaburannya dalam pasaran tempatan, yang mana penumpuannya merangkumi pasaran ekuiti, pendapatan tetap dan hartanah domestik.

Untuk itu, KWAP kini pada peringkat akhir memuktamadkan pembelian hartanah komersial di Lembah Klang berjumlah kira-kira RM2 bilion.

KWAP ditubuhkan pada 1 Mac 2007 di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007, menggantikan Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991.

28. Penghasilan bakat cemerlang di IPT

PUTRAJAYA: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025, PPPM (PT), mampu menjadi pencetus kepada penghasilan lebih ramai bakat cemerlang di negara ini yang boleh memberi sumbangan kepada industri serta komuniti.

Pengarah Bahagian Perancangan Kecemerlangan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Kementerian Pendidikan, Prof Dr Raha Abdul Karim, berkata PPPM (PT) juga diharap berupaya melonjakkan pendidik, penyelidik mahupun IPT di negara ini sebagai penanda aras kepada negara luar dalam penghasilan bakat cemerlang.

"Bakat cemerlang ialah Lonjakan Kedua yang sangat penting dalam PPPM (PT) yang juga kesinambungan lonjakan pertama iaitu melahirkan graduan bersifat holistik, berminda keusahawanan serta seimbang.

Bangun bakat pendidik

"Tumpuan dalam lonjakan ini lebih kepada ahli sarjana dan akademik serta pensyarah di IPT yang mana kita melihat kepada bagaimana membina dan membangunkan bakat-bakat cemerlang ini menjadi pendidik yang berinspirasi, penyelidik yang terbilang dan pemimpin yang bertransformasi.

"Kita juga akan melihat bagaimana bakat cemerlang ini relevan, menjadi rujukan dan dihormati masyarakat tempatan dan antarabangsa termasuk pihak industri selain turut mendapat sokongan pegawai pentadbir," katanya.

PPPM (PT) dijangka dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, pada 7 April ini.

Raha berkata, bagi membangunkan bakat cemerlang, kementerian mempunyai strategi dan inisiatif berdasarkan lima prinsip.

"Prinsip pertama ialah keupayaan untuk menarik, memupuk dan mengekalkan bakat. Seterusnya pengiktirafan kepada kepelbagaian bakat, contohnya selain sebagai pensyarah, dia juga mampu buat penyelidikan dan boleh jadi pemimpin.

"IPT juga perlu mempunyai bakat yang relevan, dihormati dan dirujuk selain mempunyai ekosistem yang kondusif yang mana IPT menyokong bakat ini dengan cara memberi laluan kerjaya yang pelbagai.

Tambah beliau, bakat cemerlang yang dihasilkan tidak seharusnya menjadi sarjana ilmu di IPT sahaja sebaliknya mampu menjadi penyelesaian masalah dengan berinteraksi dengan pihak industri serta komuniti.

"Kita mahu bakat ini keluar dan jadi penyelesaian masalah, kita mahu penyelidik ini keluar ke industri sama ada untuk tempoh enam bulan atau setahun mahu pun pergi ke universiti luar negara dan buat penyelidikan yang lebih hebat dan kemudian balik ke Malaysia supaya lebih cemerlang," katanya.

Negara luar jadi contoh

"Kita juga boleh membawa pemikir ulung dari industri ke universiti sama ada menjadi pensyarah jemputan supaya mereka boleh berkongsi pengalaman dengan pelajar dan pensyarah sedia ada sekali gus membantu memupuk serta menonjolkan lagi kecemerlangan bakat," katanya.

Beliau berkata, bagi melonjakkan lagi kecemerlangan bakat menerusi PPPM (PT), negara ini juga boleh mengambil contoh amalan atau kaedah digunakan negara luar seperti Jepun, United Kingdom atau Singapura.

"Amalan terbaik dilaksanakan negara terbabit dalam penghasilan bakat cemerlang boleh kita contohi kerana percaya kita mempunyai bakat cemerlang di Malaysia dan mahu mereka ini terus digilap supaya lebih cemerlang," katanya.



Isnin, 30 Mac 2015

29. Kontraktor tempatan diberi keutamaan bina Lebuhraya Pan Borneo

BINTULU: Kontraktor tempatan di Sabah dan Sarawak diberikan keutamaan dalam pembinaan Lebuhraya Pan Borneo yang menghubungkan kedua-dua negeri berjiran itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata ia bertujuan memastikan projek bernilai RM27 bilion itu memberi peluang ekonomi lebih baik kepada Sabah dan Sarawak.

"Saya berjanji untuk lebih kerap datang ke sini (Sabah dan Sarawak) dan mahu memastikan rakyat mendapat faedah daripada projek lebuhraya ini," katanya pada majlis makan malam sempena meraikan lawatannya ke wilayah utara negeri di sebuah hotel terkemuka, di sini malam tadi.

Hadir sama Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem dan anggota Kabinet Sarawak.

Beliau juga berharap negeri ini akan terus kekal menjadi kubu kuat Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya akan datang.

"Ada pihak cuba mahu cairkan 'fix deposit' Sarawak sebagai kubu kuat BN. Namun, ia sehingga sekarang masih menjadi kubu kuat BN," katanya.

Katanya, kepimpinan Adenan menerusi inisiatif anti pembalakan haram, menghapuskan tol dan mengurangkan tarif elektrik membantuu mengukuhkan sokongan terhadap BN.

Mengenai pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) 1 April ini, beliau berkata, ia bukan bertujuan membebankan rakyat tetapi untuk menfaat pembangunan negara.

Terdahulu, Adenan dalam ucapannya, berkata sebanyak 75 syarikat tempatan di Sarawak akan diberi peluang untuk menjayakan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo.

Beliau berkata, peluang itu harus digunakan sebaik mungkin oleh rakyat Sarawak.



Isnin, 30 Mac 2015

30. Peningkatan eksport petunjuk positif ekonomi negara - ACCCIM

KUALA LUMPUR: Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) menjangkakan eksport negara akan meningkat kukuh tahun ini bagi mengimbangi beberapa faktor yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi secara keseluruhannya.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Penyelidikan Sosio Ekonomi ACCCIM, Peck Boon Soon, berkata sektor eksport mendapat manfaat daripada tukaran mata wang asing yang menjadikan harga bahan mentah kebanyakannya lebih murah sekali gus kos pengeluaran lebih berdaya saing.

Beliau berkata, pemulihan di ekonomi terbesar dunia, Amerika Syarikat (AS) juga menjadi satu lagi faktor penyumbang pengukuhan eksport Malaysia pada 2015.

"Petunjuk positif bagi ekonomi negara tahun ini adalah dari segi eksport, namun ia dijangka tidak terkecuali untuk berdepan dengan beberapa cabaran.

"Jepun dan zon euro masih bergelut untuk mencatatkan pemulihan. China pula sedang menuju kepada penurunan.

"Sektor eksport yang berkembang teguh bagaimanapun mungkin belum mencukupi untuk menyerap beberapa faktor domestik yang mungkin mempengaruhi pertumbuhan negara tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Kaji Selidik Situasi Ekonomi Malaysia bagi Suku Kedua 2014 di sini hari ini.

Hadir sama Presiden ACCCIM, Datuk Lim Kok Cheong.

Mengulas lanjut, Boon Soon berkata persekitaran perniagaan dan pertumbuhan ekonomi negara sepanjang tahun ini akan dipengaruhi tiga faktor utama.

"Tiga faktor itu ialah pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang menyebabkan tindakan berhati-hati pengguna dan peniaga, kejatuhan harga minyak mentah dunia serta langkah mengawal spekulasi hartanah," katanya.

ACCCIM mengunjurkan ekonomi negara bagi 2015 secara keseluruhannya mampu berkembang antara 4.5 hingga 5.5 peratus, seperti yang ditetapkan kerajaan sebelum ini.

"Angka itu mungkin melebihi 5.0 peratus atau mungkin juga kurang bergantung kepada perbelanjaan domestik melalui tindak balas pengguna serta peniaga ke atas GST.

"Selepas melalui tempoh pelarasan, maka kami akan boleh menilai dengan lebih tepat angkanya," katanya.

Boon Soon berkata, kaji selidik ACCCIM mendapati rata-rata peniaga optimis ekonomi negara akan bertambah baik menjelang 2017 selepas melalui tempoh pelarasan pada 2015 dan 2016.

"Ini sikap yang biasa ditunjukkan oleh peniaga dalam kaji selidik terdahulu. Rata-rata peniaga mempunyai pandangan positif terhadap persekitaran perniagaan ketika melalui tempoh yang agak sukar.

"Sikap yang sama akan diterjemahkan oleh komuniti perniagaan menuju ke tahun berikutnya " katanya.

Sementara itu, kaji selidik ACCCIM mendapati 86 peratus perniagaan sudah bersedia dengan pelaksanaan GST Rabu ini.

Gabungan itu juga memuji kerajaan yang sudah berusaha keras untuk meningkatkan tahap kesedaran awam dan komuniti perniagaan mengenai rejim cukai baharu berkenaan.

Mengulas mengenainya, Kok Cheong berkata perniagaan khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) akan memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dengan sistem cukai berkenaan di samping berdepan masalah yang mungkin timbul daripada pelaksanaannya kelak.

"Justeru, ACCCIM meminta Kastam Diraja Malaysia (KDRM) supaya meningkatkan lagi proses komunikasi dan menyediakan panduan sewajarnya kepada komuniti perniagaan sepanjang tempoh awal pelaksanaan GST, selain mengelak mengambil tindakan atau hukuman terlalu tegas kepada perniagaan.

"Kerjasama antara sektor awam dan swasta akan memastikan pelaksanaan lancar GST " katanya.

31. Ketidaktentuan nilai ringgit tidak jejas pelaburan – Mustapa

KULIM: Ketidaktentuan nilai ringgit yang dihadapi negara ketika ini tidak akan menjejaskan minat pelabur asing untuk terus melabur di Malaysia, kata Menteri Perdagangan, Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Malah katanya, walaupun berlaku penurunan nilai mata wang, ia tidak akan menjejaskan usaha menarik pelabur sebaliknya menjadikan Malaysia lebih menarik sebagai destinasi pelaburan.

Sebaliknya, apa yang berlaku hari ini ada kaitannya dengan pengukuhan ekonomi Amerika Syarikat (AS) dan beberapa faktor lain.

"Apa yang penting ialah kestabilan mata wang dan ringgit kita stabil. Apa yang berlaku hari ini ada kaitan dengan kekukuhan ekonomi AS. Dulu, ekonomi AS amat lemah dan apabila berlakunya pemulihan, ia juga adalah kesan langsung daripada ekonomi AS," katanya kepada pemberita selepas melawat Kawasan Perusahaan Teknologi Tinggi Kulim (KHTP) di sini, hari ini.

Mustapa berkata, bagi tahun lepas sahaja, jumlah pertumbuhan pelaburan negara adalah melebihi RM70 bilion dan daripada jumlah itu, RM 30.7 bilion pelaburan terletak di bawah Pihak Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA).

Pada 2013, jumlah itu mencecah RM52 bilion. Bagaimanapun, bagi tahun ini, ia dijangka berkurangan sedikit dari segi jumlah pelaburan dalam industri pembuatan.

"Kita menjangkakan ada sedikit pengurangan dalam jumlah keseluruhan pelaburan sektor pembuatan.

"Sudah pasti ia disebabkan ekonomi global. AS dalam proses pemulihan (ekonomi), China turut alami kelembapan dan 2014 pula tahun berkecuali dan amat sukar untuk menandingi rekod ini... ia sesuatu yang perlu ekonomi kita hadapi. Ada masa turun, ada masanya naik dan amat sukar untuk mengekalkannya," katanya.

Mengenai keperluan insentif bagi menggalakkan pelaburan baru di KHTP, Mustapa berkata Kerajaan Pusat akan menumpukan aspek infrastruktur dan sumber manusia dalam bidang kemahiran dan teknikal bagi memenuhi permintaan syarikat-syarikat yang beroperasi di sini.